

MYUniMAP Edisi XXXVII BERITA



UniMAP PRIHATIN ANAK-ANAK STAF MENINGGAL SEMPENA FESTIVAL NASYID 2019

Oleh : Mohd Basri Basri

Dalam kegembiraan umat Islam membuat persiapan menyambut lebaran yang akan tiba seminggu lagi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut menzahirkan rasa prihatin terhadap anak-anak mantan staf yang telah meninggal dunia.

Justeru, sempena Pertandingan Festival Nasyid 2019 universiti itu yang diadakan di Dewan Kecemerlangan, kampus UniMAP, di sini seramai 11 anak-anak yatim diberikan sumbangan berupa wang tunai RM150 setiap seorang bagi meringankan beban keluarga mereka.

Sumbangan berkenaan merupakan hasil Jom Infaq Ramadan 1440H daripada warga UniMAP yang disumbangkan secara atas talian mahupun tabung Surau UniMAP anjuran Pusat Islam UniMAP. Sumbangan itu disampaikan oleh Naib Canselor UniMAP Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad disaksikan Timbalan Naib Canselor Inovasi dan Penyelidikan Prof. Dr. Uda Hashim, dan pegawai-pegawai utama serta ketua-ketua jabatan universiti.

Terdahulu, pertandingan Festival Nasyid anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) dan Pusat Islam itu menyaksikan kejuaraan menjadi milik Kumpulan AI-Munawwar dari Pusat Bahasa dan Antarabangsa yang membawa lagu tema animasi kartun Frozen dengan mengubahsua lirik kepada unsur kerohanian.

Kejayaan itu membolehkan AI-Munawwar membawa pulang RM1,500, piala pusingan, hamper tajaan Rass Design dan sijil. Lebih manis, kumpulan yang diterajui dekannya, Dr Sharmini Abdullah itu juga meraih Anugerah Persembahan Terbaik dengan hadiah wang berjumlah RM500.

Naib johan pula berjaya diraih Kumpulan Innovoice dari Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, tempat ketiga diraih kumpulan An-nisa' 29 dari UniMAP Holdings manakala Anugerah Kostum Terbaik diraih oleh Kumpulan AI-Muhibbah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan.

Sementara itu, Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad berkata pertandingan nasyid yang dianjurkan universiti bukan bertujuan bagi merebut ejuaraaan semata-mata, namun berperanan sebagai satu medium dakwah melalui hiburan mengikut syarif.

Katanya, menerusi nasyid sekurang-kurangnya peserta dan warga universiti dapat mendalami hakikat kehidupan yang dilalui di samping menginsafi diri sempena bulan yang mulia itu. "Menerusi kreativiti mengubah lirik dengan menggunakan lagu-lagu menarik dan terkini juga menjadi salah satu strategi dakwah yang berkesan dan positif," kata beliau ketika berucap merasmikan pertandingan festival berkenaan.

Program tahunan itu yang membawa tema "Irama Dalam Kreativiti" berkonsepkan ubahsua lirik menggunakan lagu-lagu arus perdana kepada lirik yang berunsurkan kerohanian dan ketuhanan membabitkan 11 penyertaan pusat pengajian dan jabatan di universiti itu.